PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
|---|---|
| Date | 19/12/2018 |

# 'Tun, pecat Waytha Moorthy'

Utm – 19/12/2018 m/s: 8

**KUALA LUMPUR 18 Dis.** - Berita pemergian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim semalam meledakkan semula kemarahan rakyat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy yang dilihat gagal mengawal keadaan ketika kejadian rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya bulan lalu.

Bukan sahaja diserang dalam laman Facebook miliknya sendiri sehingga terpaksa nyah aktif akaun tersebut, desakan supaya Waytha Moorthy dilucutkan jawatan juga disuarakan dalam laman Twitter Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir yang mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Muhammad Adib dalam hantaran menerusi laman tersebut menerima begitu banyak komen balas dengan meminta beliau mengambil tindakan ke atas kegagalan Waytha Moorthy.